



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR DAN IMPLIKASI TIADA JAMINAN KEDAPATAN MAKANAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA YANG MENERIMA BANTUAN
KEWANGAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

SITI MARHANA BT ABD RAZAK

FEM 2014 6



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**FAKTOR DAN IMPLIKASI TIADA JAMINAN KEDAPATAN MAKANAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA YANG MENERIMA BANTUAN
KEWANGAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Oleh

SITI MARHANA BT ABD RAZAK

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

Julai 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**FAKTOR DAN IMPLIKASI TIADA JAMINAN KEDAPATAN MAKANAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA YANG MENERIMA BANTUAN
KEWANGAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Oleh

SITI MARHANA BT ABD RAZAK

Julai 2014

Pengerusi : Norhasmah Binti Sulaiman, Ph.D
Fakulti : Ekologi Manusia

Tiada jaminan kedapatan makanan berlaku apabila seseorang tidak memperoleh nutrien yang mencukupi, makanan yang tidak selamat dimakan atau tidak berkemampuan untuk mendapatkan makanan bagi menjalani kehidupan seharian secara sihat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor dan implikasi tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan mahasiswa yang menerima bantuan kewangan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini melibatkan seramai 484 mahasiswa daripada empat buah universiti yang dipilih secara persempelan rawak berperingkat. Borang soal selidik dan ukuran antropometri digunakan untuk pengumpulan data. Penganalisisan data dibahagikan kepada analisis diskriptif dan inferensi yang melibatkan analisis Ujian-t, Ujian ANOVA, Ujian Korelasi Pearson dan Ujian ANCOVA.

Hasil kajian menunjukkan sumber utama kewangan responden adalah daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (84.6%). Sebanyak 73.7% responden menyatakan sumber kewangan yang diperolehi adalah tidak mencukupi. Purata peratus perbelanjaan berbanding dengan sumber kewangan mengikut keutamaan adalah untuk perbelanjaan makanan (37.2%), keperluan pengajian (15.1%), pakaian (10.8%), pengangkutan (10.5%) dan hiburan serta rekreasi (7.3%). Sebanyak 67.1% responden dikategorikan sebagai tiada jaminan kedapatan makanan. Lebih separuh daripada responden tidak mencapai Cadangan Pengambilan Pemakanan untuk Malaysia (RNI) bagi tenaga (89.9%), protein (55.8%), kalsium (93.4%), zat besi (62.2%), vitamin A (79.1%), vitamin C (88.2%), vitamin B₁ (90.0%), vitamin B₂ (77.7%), vitamin B₃ (87.2%) dan vitamin B₉ (99.6%). Sebanyak 33.5% responden memperoleh skor kepelbagaian makanan rendah. Walau bagaimanapun lebih separuh daripada responden (60.7%) memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 hingga 3.749. Purata komponen fizikal dan mental masing-masing ialah 53.54 dan 40.70.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor tiada jaminan kedapatan makanan dengan jantina ($p < 0.05$), etnik ($p < 0.001$) dan sumber kewangan ($p < 0.01$). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara skor tiada jaminan kedapatan makanan dengan perbelanjaan komunikasi ($p < 0.01$). Seterusnya setelah mengawal pemboleh ubah kovariat, terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor kepelbagaian makanan ($p < 0.05$) dan pengambilan makanan (vitamin A) ($p \leq 0.05$) dengan status jaminan kedapatan makanan. Ini menunjukkan skor kepelbagaian makanan semakin menurun apabila status tiada jaminan kedapatan makanan semakin serius. Analisis kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara purata komponen kesejahteraan kesihatan fizikal ($p < 0.01$) dan mental ($p < 0.001$) dengan status jaminan kedapatan makanan. Setelah mengawal pemboleh ubah kovariat, hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan bagi komponen kesejahteraan kesihatan iaitu dimensi peranan fungsi fizikal ($p < 0.001$) dan dimensi kesakitan badan ($p < 0.001$) dengan status jaminan kedapatan makanan. Manakala dimensi komponen kesejahteraan kesihatan mental pula, terdapat perbezaan yang signifikan untuk dimensi fungsi sosial ($p < 0.001$) dan peranan emosi ($p < 0.001$) berdasarkan status jaminan kedapatan makanan.

Kesimpulannya, faktor risiko yang menyumbang kepada tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan mahasiswa ialah jantina, etnik, sumber kewangan dan perbelanjaan komunikasi. Di samping itu, tiada jaminan kedapatan makanan memberi implikasi kepada kualiti makanan yang diambil berdasarkan skor kepelbagaian makanan. Seterusnya, tiada jaminan kedapatan makanan memberi implikasi kepada kesejahteraan kesihatan fizikal dan kesejahteraan kesihatan mental. Oleh itu, pihak kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi perlu mengambil perhatian yang serius mengenai masalah tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan mahasiswa kerana ia memberi implikasi kepada pemakanan dan kesejahteraan kesihatan. Agensi yang bertanggungjawab memberi bantuan kewangan kepada mahasiswa perlulah mengkaji semula jumlah pinjaman atau biasiswa yang diberikan memandangkan kos sara hidup dan perbelanjaan pengajian yang semakin meningkat. Manakala pihak Institusi Pengajian Tinggi perlu memberi penumpuan untuk meningkatkan pengetahuan pemakanan, pengurusan kewangan dan kesihatan di samping menyediakan kemudahan gerai untuk menjual pelbagai jenis makanan yang sihat dan berkhasiat dengan harga berpatutan di dalam kampus.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

FACTORS AND IMPLICATIONS OF FOOD INSECURITY AMONG STUDENTS RECEIVING FINANCIAL ASSISTANCE IN PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER EDUCATION

By

SITI MARHANA BT ABDUL RAZAK

July 2014

Chairman : Norhasmah Binti Sulaiman, Ph.D
Faculty : Human Ecology

Food insecurity occurs when someone gets fewer nutrients, foods that are not safe to be eaten or unable to afford food for healthy living. This study aims to examine the factors and implications of food insecurity among students who receiving financial supports in Public Institutions of Higher Education (PIHE). This study involved a total of 484 students from four universities, which were selected through multi stage sampling technique. Data were collected through questionnaires and anthropometric measurements. Data analyses were divided into descriptive and inferential analysis which involved analysis of t-test, ANOVA, Pearson Correlation and ANCOVA.

The results showed that the respondents' main sources of financial were from the National Higher Education Fund Corporation (84.6 %). A total of 73.7% respondents stated that their financial resources were not sufficient enough. The average percentage of spending according to its priority showed by the respondents was for foods (37.2%), study needs (15.1%), clothing (10.8%), transportation (10.5%), entertainment and recreation (7.3%). A total of 67.15% respondents were categorized as food insecurity. More than half of the respondents did not achieve the Recommended Nutrient Intake for Malaysia (RNI) for energy (89.8%), protein (55.8%), calcium (93.4%), iron (62.2%), vitamin A (79.1%), vitamin C (88.2%), vitamin B₁ (90.0%), vitamin B₂ (77.7%), vitamin B₃ (87.2%) and vitamin B₉ (99.6 %). About 33.5% respondents scored low in diet diversity. More than half of the respondents (60.7%) achieved cumulative grade point average (CGPA) of 3.00 to 3.749. Average component of physical health and mental health well-being were 53.54 and 40.70 respectively.

Findings indicated that there were significant differences between the food insecurity scores and gender ($p < 0.05$), ethnicity ($p < 0.001$) and financial resources ($p < 0.01$).

Results showed that significant correlations between food insecurity scores with communication expenditure ($p < 0.01$). Then, after controlling the covariates variables, there were significant differences in diet diversity scores ($p < 0.05$) and food intake (vitamin A) ($p \leq 0.05$) with the food security status. Analysis showed that there were significant differences between the average components of physical ($p < 0.01$) and mental well-being ($p < 0.001$) with the food security status. Then, after controlling the covariates variables, the results showed that physical health well-being components, there were significant differences between the physical role functioning dimension ($p < 0.001$) and body pain dimension ($p < 0.001$) with the food security status. The dimensions of the components of mental health well-being, there were significant differences between the dimensions of social functioning ($p < 0.001$) and role emotional ($p < 0.001$) with the food security status.

In conclusion, the risk factors that contributed to food insecurity among students were gender, ethnicity, financial resources and communication expenditures. In line with that, food insecurity contributed implications to the quality of food based on the diet diversity scores. In addition, food insecurity affected the physical and mental health well-being. From here, government and universities need to give full and serious attention towards the problem of food insecurity among students as it implicates the foods nutrition and health wellbeing. The responsible agencies that provide financial assistance to students should review the amount of loan or scholarship provided as cost of living and education expenses are rising from day to day. Meanwhile, the Institutions of Higher Education should focus on improving nutrition knowledge, financial management and health as well as providing stalls that provide variety of healthy and nutritious food at reasonable prices in campus together with disclosure of financial management and nutrition education.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan limpah rahmat yang dikurniakan, akhirnya tesis ini berjaya disiapkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Norhasmah Sulaiman selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan membantu dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr Husniyah Abd Rahim selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan panduan dan tunjuk ajar.

Tidak dilupakan kepada Ketua Jabatan yang turut memberi dorongan, semangat, para pensyarah, dan staf di Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia. Jutaan terima kasih diucapkan juga kepada ibu bapa iaitu Abd Razak Ahmad dan Napisah Ahmad kerana sering memberi sokongan dan menyuntik semangat dalam menyiapkan tesis ini. Rakan-rakan sepejuangan yang banyak memberi tunjuk ajar serta berkongsi ilmu dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih diucapkan buat semua yang telah membantu bagi menghasilkan tesis ini. Semoga bantuan dan pengorbanan yang disumbangkan mendapat keredhaan Allah S.W.T .

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Norhasmah Binti Sulaiman, Ph.D

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Husniyah Binti Abd. Rahim, Ph.D

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, Ph.D

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Norhasmah binti Sulaiman

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Husniyah binti Abd. Rahim

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI RINGKASAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Masalah	3
1.2	Objektif Kajian	6
1.2.1	Objektif Umum	6
1.2.2	Objektif Khusus	7
1.3	Hipotesis Kajian	7
1.4	Kepentingan Kajian	8
1.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	8
1.4.2	Pihak Universiti	8
1.4.3	Mahasiswa	9
1.5	Definisi Istilah	9
1.5.1	Tiada Jaminan Kedapatan Makanan	9
1.5.2	Mahasiswa	9
1.5.3	Pencapaian Akademik	10
1.5.4	Kesihatan	10
1.5.5	Kesihatan Fizikal	10
1.5.6	Kesihatan Mental	10
1.5.7	Kepelbagaian Makanan	11
2	KAJIAN LITERATUR	12
2.0	Pengenalan	12
2.1	Jaminan Kedapatan Makanan	11
2.2	Tiada Jaminan Kedapatan Makanan	14
2.3	Faktor Risiko Tiada Jaminan Kedapatan Makanan	15
2.4	Implikasi Tiada Jaminan Kedapatan Makanan	19
2.4.1	Pengambilan Makanan	19
2.4.2	Pencapaian Akademik	22
2.4.3	Kesejahteraan Kesihatan	22
2.4.4	Penyakit Kronik	23

2.5	Piramid Makanan	23
2.6	Model Kajian	24
	2.6.1 Model Tiada Jaminan Kedapatan Makanan (Campbell, 1991)	24
	2.6.2 Model Sistem Pengeluaran atau Penggunaan Isi Rumah	26
2.7	Kerangka Kajian	29
2.8	Jurang dan Sumbangan Kajian	30
3	METODOLOGI	31
3.0	Pengenalan	31
3.1	Reka Bentuk Kajian	31
3.2	Lokasi Kajian	31
3.3	Saiz Sampel dan Responden	31
3.4	Prosedur Persampelan	34
3.5	Prosedur Kajian	34
3.6	Pengumpulan Data	36
3.7	Instrumen Kajian	36
3.8	Pengukuran Angkubah	36
	3.8.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden	36
	3.8.2 Bahagian B: Jaminan Kedapatan Makanan Responden	37
	3.8.3 Bahagian C: Kesejahteraan Kesihatan Responden	38
	3.8.4 Bahagian D: Pengambilan makanan Responden	41
3.9	Pra uji	43
3.10	Analisis Data	44
	3.10.1 Analisis Deskriptif	44
	3.10.2 Analisis Perkaitan	44
	3.10.3 Analisis Perbezaan	44
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	46
4.0	Pengenalan	46
4.1	Latar Belakang Responden dan Keluarga	46
4.2	Sumber Kewangan dan Corak Perbelanjaan Responden	49
4.3	Status Jaminan Kedapatan Makanan Responden	53
4.4	Pengambilan Makanan Responden	54
4.5	Pencapaian Akademik Responden	57
4.6	Kesejahteraan Kesihatan Responden	58

4.7	Perbezaan Skor Tiada Jaminan Kedapatan Makanan dengan Latar Belakang Terpilih Responden	60
4.8	Perkaitan Skor Tiada Jaminan Kedapatan Makanan dengan Corak Perbelanjaan Terpilih Responden	63
4.9	Perbezaan Pengambilan Makanan dengan Status Jaminan Kedapatan Makanan Responden	64
4.10	Perbezaan Pencapaian Akademik dengan Status Jaminan Kedapatan Makanan Responden	70
4.11	Perbezaan Kesejahteraan Kesihatan dengan Status Jaminan Kedapatan Makanan Responden	72
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	77
5.0	Kesimpulan Kajian	77
5.1	Implikasi Kajian	79
5.2	Limitasi Kajian	81
	RUJUKAN	83
	SENARAI LAMPIRAN	108
	BIODATA PELAJAR	148
	SENARAI PENERBITAN	149